



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	TEKNOLOGI MODEN, PELBAGAI BANTUAN TARIK GOLONGAN MUDA CEBURI SEKTOR PERTANIAN, WILAYAHKU -ONLINE KPKM, KDN PERLU KURANGKAN PEKERJA ASING DALAM NEGARA, HAKAKAH DAILY -ONLINE HANYA PENGUATKUASAAN BOLEH KEKANG BPT HILANG DI PASARAN - ISMAIL, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PENIAGA DIINGATKAN PATUHI SHMMP, HM -ONLINE GABUNG BADAN KOMUNITI BANGUNKAN AGROMAKANAN NEGARA, HAKAKAH DAILY -ONLINE 550 TAN DIAGIH, MANA PERGI BERAS TEMPATAN?, DALAM NEGERI, UM -30 INDIKATOR KHUSUS UKUR TAHAP KETERJAMINAN MAKANAN -TPM, NASIONAL, SH -7 MAJUKAN INDIKATOR KETERJAMINAN MAKANAN, LOKAL, HM -18 SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM RAYA DILAKSANA 15 HARI, NASIONAL, BH -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
10.	IKAN BANDARAYA SEBAGAI SUMBER BAHAN MENTAH, SHAH ALAM, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	MAKLUM AWAL TANAM PADI, ELAK BENIH LAMBAT SAMPAI, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15.	16 TAN SARDIN DALAM TIN DIIMPORT DARI SINGAPURA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 MAQIS RAMPAS 16 TAN SARDIN TIN TANPA PERMIT IMPORT, NASIONAL, SH -15 MAQIS RAMPAS 16 TAN SARDIN DALAM TIN, NASIONAL, BH -18 LEMBU PALING BANYAK DIKUARANTIN, LOKAL, HM -19	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
16. 17. 18. 19. 20.	KUPANG, KERANG DI PERAIRAN PORT DICKSON BERACUN, NEGARA, KOSMO -16 BEKAL SATU TAN IKAN KELI KEPADA PENIAGA BAZAR RAMADHAN, NEGARA, KOSMO -15 BEKALAN AYAM, DAGING DI PERAK MENCUKUPI, IPOH, SH -28 WANITA JADI PEKEBUN KECIL LEBIH TINGGI DI SABAH, SARAWAK, BISNES, BH -24 HEATWAVE BANE AND BOON, NATIONAL, THE SUN -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	WILAYAHKU	ONLINE	

Teknologi moden, pelbagai bantuan tarik golongan muda ceburi sektor pertanian



KEMENTERIAN Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam memastikan lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian antaranya dengan memberi pendedahan kepada penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar dan dron.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan **Datuk Arthur Joseph Kurup** berkata

langkah ini juga sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan negara tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing dalam sektor pertanian.

“KPKM mempunyai beberapa usaha dan bantuan program untuk menarik lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian. Kita berikan kursus hingga ke peringkat diploma dan turut memberikan banyak bantuan, insentif, mengadakan pelbagai program seperti Geran Agropreneur Muda dan sebagainya,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Senator Abdul Nasir Idris yang ingin tahu usaha kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor pertanian serta langkah kerajaan bagi menarik minat rakyat tempatan untuk terlibat dalam bidang berkenaan.

Arthur berkata selain itu, pelbagai usaha turut dilaksanakan antaranya menyediakan platform pemasaran bagi memasarkan produk agromakanan yang dihasilkan seperti Program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak, Program Jualan Agro MADANI dan membangunkan pelbagai jenis outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar tani kekal dan Agro Bazar.

“Kita (KPKM) juga menawarkan kemudahan pembiayaan dan geran untuk membantu usahawan tempatan dalam sektor ternakan dan perikanan.

“Dana pembiayaan turut diberikan dalam usaha meningkatkan aspek pemasaran pemodenan dan meningkatkan pendapatan dan produktiviti pertanian bagi menyokong peningkatan kapasiti pengeluaran pertanian seperti dana pembiayaan agromakanan, Geran Agropreneur Muda dan Geran Pemadanan High Impact Product (HIP),” katanya. –

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

KPKM, KDN perlu kurangkan pekerja asing dalam negara



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) digesa membuat satu usaha dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mengatasi isu kesan ekonomi dan sosial dalam negara ini.

Senator Abdul Nasir Idris berkata, hal ini kerana lambakan pekerja asing dalam sektor pertanian yang memberi kesan terhadap ekonomi dalam negara ini.

Beliau menyatakan demikian ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan di Dewan Negara, hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup dalam jawabannya memberitahu, KDN sedia maklum mengenai keperluan pekerja-pekerja asing untuk memastikan sektor agro makanan negara ini sentiasa beroperasi.

“Tetapi pada masa yang sama kita mempunyai dasar di mana kita seharusnya tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing. Itulah sebab KPKM kita mempunyai beberapa usaha dan juga bantuan dan juga program untuk menarik lebih ramai golongan muda masuk dan juga menceburi bidang pertanian.

“Kita memberikan kursus sehingga ke peringkat diploma, kita memberikan banyak bantuan dan juga insentif dan program seperti geran Agropreneur Muda dan kita akan menggunakan lebih banyak teknologi moden.

“Seperti pertanian pintar, dron dan sebagainya sebagai usaha besar untuk menarik lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian supaya kita boleh mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing,” jelas beliau.

Abdul Nasir dalam soalan asal meminta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan usaha yang dilakukan Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor pertanian serta langkah Kerajaan bagi menarik minat rakyat tempatan untuk terlibat dalam sektor pertanian. – **HARAKHDAILY 2/4/2024**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Hanya penguatkuasaan boleh kekang BPT hilang di pasaran – Ismail



Ismail Awang

KUALA LUMPUR – ‘Kehilangan’ beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang berlarutan sejak tujuh bulan lalu boleh diatasi sekiranya Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melakukan penguatkuasaan berkala ke atas pengilang padi.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM), Ismail Awang berkata, ini kerana agensi di

bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu boleh menentukan keberadaan BPT di pasaran.

“Punca kuasa untuk menentukan keberadaan BPT ialah KPB. Jika tiada penguatkuasaan di tempat sasaran, sampai bila-bila isu kehilangan BPT di pasaran terus berlaku.

“KPB kena lakukan pemeriksaan di semua kilang padi termasuk dari segi dokumen pembelian padi dan invoice pengeluaran beras.

“Ia merangkumi jumlah pengeluaran beras sehari dan senarai pemborong yang membeli beras daripada pengilang atau gudang,” katanya kepada *MalaysiaGazette*, hari ini.

Ahad lalu, *MalaysiaGazette* melaporkan Ketua Pasukan Petugas Pemantauan Kluster Makanan, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendedahkan kurang 5 peratus BPT berada di pasaran.

Syed Abu Hussin berkata, hasil pemeriksaan mengejut pihaknya di 105 lokasi menjual BPT mendapati hanya lima tempat sahaja masih menjual beras itu pada harga RM26 sekampit.

Dalam pada itu, Ismail tidak menolak kemungkinan kelemahan penguatkuasaan KPB menjadi antara punca utama BPT hilang dari pasaran.

“Kelemahan penguatkuasaan KPB memang berlaku,” katanya.

Ditanya tentang pendedahan Syed Abu kemungkinan BPT hilang kerana dicampur dengan beras import, beliau berkata, perkara itu memang berlaku.

“Saya syak perkara ini didalangi pemilik kilang beras. Tindakan mereka dicurigai apabila pengilang membeli padi daripada pesawah dengan harga RM1,750 satu tan metrik, sedangkan Bernas beli dengan harga RM1,500 satu tan.

“Sudah tentu petani hantar padi ke kilang beras ini. Apabila ini pengilang mendapat bekalan padi yang banyak, sudah tentu mereka tidak menjual beras ini sebagai BPT.

“Oleh kerana pengilang membeli padi pada harga tinggi, mereka terpaksa menjualnya pada harga tinggi dan mengelak daripada menanggung rugi,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Peniaga diingatkan patuhi SHMMP



Armizan Mohd Ali (tiga dari kanan) ketika meninjau pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024. FOTO AZRUL EDHAM

Nilai: Kerajaan akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri 2024 berkuat kuasa 5 hingga 19 April ini sebagai langkah menangani sebarang kenaikan harga barangan sepanjang musim perayaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sebanyak 22 jenis barangan akan berada di bawah skim berkenaan.

Katanya, skim itu membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit.

"Tempoh pelaksanaan SHMMP Hari Raya Aidilfitri 2024 adalah selama 15 hari iaitu lima hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan sembilan hari selepas perayaan.

"Sebanyak 22 jenis barangan diwartakan bagi pelaksanaan skim dan ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga.

"Pengguna dapat menikmati harga berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama," katanya pada sidang media di sebuah pasar raya, di sini, hari ini.

Armizan berkata, kementeriannya juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan harga barangan terkawal serta bekalan mencukupi.

Beliau berkata, semakan harga boleh dibuat melalui laman web KPDN di <https://www.kpdn.gov.my>.

Menurutnya, pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan di lokasi strategik termasuk di pasar malam, pasar tani dan pusat membeli-belah.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).

"Ini termasuk tindakan bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga bagi barangan terkawal," katanya.

Armizan berkata, berdasarkan rekod sebelum ini, kegagalan peniaga meletakkan tanda harga antara kesalahan sering dilakukan.

"Saya berharap peniaga di semua peringkat dapat memberikan kerjasama dalam usaha meringankan beban pengguna.

"Pengguna juga harus menggunakan kebijaksanaan dan kuasa yang ada pada mereka untuk membuat pilihan memilih barangan yang rendah harganya.

"Orang ramai juga boleh memaklumkan aduan kepada KPDN melalui saluran disediakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Gabung badan komuniti bangunkan agromakanan negara



KUALA LUMPUR: Kerajaan dicadang untuk menggabungkan badan komuniti bagi membangunkan industri pengeluaran makanan negara, terutama padi beras, demikian seru Senator Hussin Ismail.

Menurut beliau, sebanyak tujuh juta hektar tanah dibangunkan untuk komuniti pertanian, namun hanya sekitar satu juta sahaja dibangunkan untuk agromakanan.

“Setinjauannya saya sekitar tujuh juta hektar tanah di negara ini yang dibangunkan untuk komoditi pertanian, tetapi hanya sekitar dalam satu juta dan ada data menyebutkan sekitar 800 ribu hektar sahaja yang dibangunkan untuk agromakanan.

“Apakah tidak mungkin pihak kementerian mengadakan satu gabungan secara integrasi di mana badan-badan komuniti yang besar ini turut dimasukkan dalam program komplementari?

“Iaitu kepada tanaman komunitinya untuk sama terlibat dalam pengeluaran makanan negara, khususnya padi beras negara,” katanya ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Dewan Negara hari ini.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup walau bagaimanapun berkata, soalan tersebut akan dijawab secara bertulis kerana tiada kaitan dengan soalan asal.

Terdahulu, Senator Abdul Nasir Idris meminta kementerian menyatakan usaha yang dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor tersebut. – HARAKAH DAILY 2/4/2024



BEKALAN beras tempatan masih sukar ditemukan di pasaran.

550 tan diagih, mana pergi beras tempatan?

OKH MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@medianusa.com.my

ABAU: Kejadian bekalan beras tempatan di pasaran terus menjadi persoalan sebarang pengilang sudah pun mengagihkan sebanyak 550 tan metrik atau 55,000 kampak beras bagi pek 10 kilogram kepada anak syarikat yang dilantik Kawai Setia Padi dan Beras.

Menurut sumber dalam sebuah kilang beras, pihaknya telah menghantar beras berkenaan sejak minggu lalu namun apabila dilihat di pasaran beras tempatan masih sukar ditemukan dengan beras import terus memenuhi rak-rak sama ada di pasar raya atau kedai-kedai.

Katanya, meskipun terpaksa menanggung kerugian sehingga RM380,000 namun pihak kilang rela berkorban bagi memastikan bekalan beras tempatan ada di pasaran namun menyediakan apabila ia tidak berlaku.

Apabila diagihkan kepada anak syarikat Kawai Setia Padi dan Beras berkenaan, kilang

akan rugi tetapi kita ingin melihat beras tempatan ada di pasaran. Tetapi beras tempatan tidak ada juga di pasaran.

"Setakat ini, difahamkan hanya kilang kami sahaja yang menghantar beras berkenaan manakala kilang-kilang lain masih mahu melihat keadaan beras di pasaran terlebih dahulu," katanya.

Sementara itu, sumber kilang berkenaan berkata, masalah yang terus berlarutan itu menunjukkan isu manipulasi beras terus berlaku dengan pihak tidak bertanggungjawab mencampurkan beras tempatan dan import seterusnya dijual pada harga beras import.

Ujar sumber itu, langkah menetapkan satu gred beras sahaja pada satu harga mampu menyelesaikan isu manipulasi ini.

"Langkah itu antara lain dapat mengelakkan masalah manipulasi harga dalam kalangan pembekal atau pemborong ini.

"Manipulasi tersebut berlaku apabila wujud perbezaan harga yang jauh antara kedua-

dua gred beras putih ini dengan misalnya BPT bagi 10 kilogram bernilai RM26 manakala BPT pula sehingga RM35 atau RM40.

"Apabila mencampur beras tempatan dan import dengan kemudian dijual kepada harga beras import ia memberi peluang pihak tidak bertanggungjawab ini mengaut lebih keuntungan," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPMM) mendakwa kekurangan beras putih tempatan (BPT) ketika ini berpunca daripada sabotaj kartel beras.

Setiausahaanya, Musonief Md. Radzi berkata, masalah kekurangan BPT tidak seharusnya berlaku memandangkan bekalan beras yang dikeluarkan mencukupi daripada 60 hingga 62 peratus setiap musim.

"Bukan jadi isu bekalan lagi kerana bekalan beras kita masih lagi dikeluarkan daripada 60 ke 62 peratus setiap musim. Sekarang ini kita boleh lihat semua isu harga dan beras tidak ada," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Indikator khusus ukur tahap keterjaminan makanan – TPM

PUTRAJAYA - Kerajaan akan membangunkan indikator khusus menerusi pembangunan indikator keterjaminan makanan yang berdaya saing bagi mengukur tahap keterjaminan makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, perkara itu antara inisiatif yang diperhalusi bagi memastikan keterjaminan makanan pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2024 pada Isnin.

Bellau berkata, inisiatif lain adalah melibatkan semua kementerian, jabatan dan agensi berkaitan, yang akan mengadakan kolaborasi bagi menawarkan tanah yang belum dibangunkan untuk dimanfaatkan bagi penanaman bawang.

"Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kadar keberangan-tungan terhadap import bawang sebanyak 30 peratus menjelang 2030," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Bellau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, turut ditetapkan ialah polis peng-hasilan dan penjualan daging kultur dan hasil daging kultur serta *cell-based food* di Malaysia, tidak akan dibenar-kan sehingga penetapan standard pering-kat antarabangsa dimuktamadkan.

Selain itu transformasi perubahan struk-tur ke atas sektor padi dan beras negara turut dicadangkan, antaranya seperti pem-



FADILLAH

bukaan agihan baja berpusat, penggantian subsidi input kepada subsidi output, peng- gembungan *big data* serta penggunaan teknologi digital.

Fadillah berkata, cadangan berkenaan akan diteliti dengan mengambil kira input semua pemegang taruh sebelum di- laksanakan.

Sementara itu, bellau ber- kata, Garis Panduan Peran- cangan Kilang Tanaman (GPP Kita) juga akan dibangunkan sebagai instrumen mudah cara dan menyokong ekosistem industri tanaman

makanan, khususnya melalui kaedah tanaman kilang tanaman (*plant factory*).

"Teknologi nuklear di bawah Agensi

Nuklear Malaysia juga akan diteroka yang boleh menyumbang kepada kese- lamatan dan keterjaminan makanan ne- gara seperti teknik isotop stabil bagi penjejukan dan ketulenan makanan, teknologi penyinaran makanan, teknik penyurih.

"Ini untuk kelestarian tanaman makanan, biak baka mutasi sinaran un- tuk penghasilan varieti baru tanaman makanan dan teknik pensterilan se- rangga (SIT)," katanya.

Mendepani situasi ini Fadillah ber- kata, pendekatan Whole of Government, Whole of Society (WoGoS) penting da- lam berhadapan persekitaran yang sen- tiasa berubah, tidak menentu, rumit dan samar demi kelangsungan keterjaminan makanan negara. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18

Majikan indikator keterjaminan makanan

Putrajaya: Kerajaan akan membangunkan indikator khusus menerusi penggunaan indikator keterjaminan makanan yang berdaya saing bagi mengukur tahap keterjaminan makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, perkara itu antara inisiatif diperhalusi bagi memastikan keterjaminan makanan pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar

Sekuriti Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2024, kelmarin.

Beliau berkata, inisiatif lain membabitkan semua kementerian, jabatan dan agensi berkaitan akan mengadakan kolaborasi bagi menawarkan tanah belum dibangunkan untuk dimanfaatkan bagi program penanaman bawang.

“Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kadar kegantungungan terhadap import bawang 30 peratus

menjelang tahun 2030,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, turut ditetapkan ialah polisis penghasilan dan penjualan daging kultur dan hasil daging kultur serta *cell-based food* di Malaysia, tidak akan dibenarkan sehingga penetapan standard peringkat antara-bangsa dimuktamadkan.

Selain itu, transformasi

perubahan struktur ke atas sektor padi dan beras negara turut dicadangkan, antaranya seperti pembukaan agihan baja berpusat, penggantian subsidi input kepada subsidi output, pengemblengan *big data* serta penggunaan teknologi digital.

Fadillah berkata, cadangan berkenaan akan diteliti dengan mengambil kira input semua pemegang taruh sebelum dilaksanakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	SHAH ALAM	25

Kaji kegunaan dalam industri pembuatan seperti makanan haiwan ternakan dan kosmetik



Satu penyelidikan dijalankan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi meneroka kegunaan ikan bandaraya atau pleco yang merupakan spesies invasif hingga menjejaskan spesies habitat ikan asli di perairan tempatan.



ADNAN

Ketua Pengarah DOF, Datuk Adnan Hussain berkata, Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) menjalankan kajian dan mengenal pasti kaedah pengawalan bersesuaian dengan kajian tentang aspek biologi dan ekologi sesuatu Spesies Asing

Berbahaya (IAS). Menurut kajian yang sedang dijalankan di IPP Glami Lemi bertujuan meneroka kegunaan ikan bandaraya sebagai sumber bahan mentah.

"Ini termasuk untuk industri pembuatan seperti makanan haiwan ternakan, kosmetik, barangan hiasan dan sebagainya.

"Jabatan juga mengenal pasti spesies ikan asli yang terancam, bernilai tinggi, menjalankan kaedah pembiakan tiruan dan kemudiannya dilepaskan kembali ke perairan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



Ikan bandaraya mudah ditemui di sungai sekitar ibu negara.

Beliau berkata, ikan bandaraya adalah antara spesies utama kajian berdasarkan kesamanya yang selalu dilaporkan mengancam ekosistem.

"Namun, tiada kajian khusus menjadikan ikan bandaraya se-

Ikan bandaraya sebagai sumber bahan mentah

bagai ikan invasif yang 'berjaya', iaitu keunikan tabiat pemakanannya, tabiat pembiakan dan perkembangan populasi.

Tambahnya, kehadiran ikan bandaraya menyebabkan perubahan dalam rangkaian makan-an tempatan hingga memberi tekanan pada populasi spesies lain dalam ekosistem.

Jelas Adnan, peruntukan di-salurkan untuk mengawal spesies asing berbahaya antaranya kajian inventori perikanan darat di sungai, program pelepasan ikan asli bagi tujuan memulihara dan memperkaya semula perair-an darat negara.

Katanya, di peringkat negeri, DOF menganjurkan program Pemburuan Baung Ekor Merah seperti di Pahang (penganjuran pesta memancing) dan memberi sokongan kepada program menjala ikan bandaraya di sungai sekitar Kuala Lumpur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Maklum awal tanam padi, elak benih lambat sampai



Mukhriz (dua dari kanan) mendengar penerangan dari Pengarah APM Kedah, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub (kiri) tentang perjalanan sekumpulan pendaki dari pasukan APM Kedah yang berjaya mengibarkan jalur gemilang di puncak Annapurna, Nepal.

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) berharap

petani tidak lagi lewat memaklumkan permintaan benih padi bersubsidi kerana mampu menjejaskan proses sehingga menyebabkan benih padi lambat sampai.

Pengerusi Mada, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, pihaknya sedang berusaha memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan dengan segera.

Bagaimanapun, Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah enggan mengulas lanjut punca lain kerana kerajaan sedang menyelesaikan perkara itu.

"Saya nampak tidak ada satu pihak yang boleh dipersalahkan mengenai kelewatan pengagihan benih padi. Kita akan cari pendekatan lain supaya perkara ini tidak berulang," katanya selepas Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam dan Hari Bertemu Pelanggan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman hari ini.

Mukhriz berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai benih padi bersubsidi yang lambat sampai kepada petani musim ini.

Beliau juga tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan dengan melewatkannya dan menuduh kerajaan sengaja melewatkan pengagihan benih padi tersebut.



ANN BAZLIN menunjukkan sebahagian ikan keli peliharaannya di Kampung Gong Pasir, Kerandang, Besut semalam.

Bekal satu tan ikan keli kepada peniaga bazar Ramadan

BESUT – Seorang wanita di Kampung Gong Pasir, Kerandang di sini meraih rezeki berganda pada bulan puasa ini apabila lebih seribu ikan keli peliharaannya berjaya dijual sejak 1 Ramadan lalu.

Ann Bazlin Seman, 42, berkata, ikan keli peliharaannya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peniaga bazar Ramadan dan seluruh Terengganu.

"Ini pertama kali bekalan ikan keli saya saya usahakan di beli peniaga-peniaga bazar Ramadan negeri ini sejak mula mengusahakan ternakan ikan tersebut pada

bulan September 2022. "Sebelum ini, ikan keli peliharaan saya, biasanya kurang laku di bulan Ramadan," katanya ketika ditemui di Kampung Gong Pasir, Kerandang di sini semalam.

Ann Bazlin percaya ia disebabkan kemungkinan permintaan terhadap lauk berasaskan ikan keli dalam kalangan pengguna telah meningkat disebabkan haranya lebih murah berbanding ayam, daging dan ikan lain.

Bellau memberitahu, kebiasaannya pasarannya lebih ke- pada peniaga pasar tani dan

malam serta kedai makan sekitar Terengganu dan Kelantan.

"Saya menjual ikan keli pada harga RM8 sekilogram bagi jualan borong, manakala RM9 bagi kuantiti sama untuk runcit.

"Kebanyakan ikan keli peliharaan saya bersaiz sederhana iaitu sekilogram boleh mendapat antara empat dan lima ekor," katanya.

Ann Bazlin berkata, dia memiliki enam kolam ternakan yang boleh memelihara kira-kira 10,000 ekor ikan keli bagi setiap pusingan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

Maqis rampas 16 tan sardin tin tanpa permit import


JOHOR BAHRU – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Johor merampas 16 tan sardin dalam tin kerana didapati tidak memiliki permit import pada 27 Mac lalu.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, rampasan dibuat susulan penahanan sebuah lori yang didapati membawa muatan sardin dalam tin yang diimport dari Singapura.

“Hasil pemeriksaan mendapati lori berkenaan membawa tin-tin sardin yang dianggarkan seberat 16,320 kilogram (kg) bernilai RM83,879.84.

“Selain itu, pemeriksaan dokumen yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Maqis mendapati konsainan yang membawa 1,600 kerton ikan sardin dalam tin tersebut juga tidak mempunyai permit import.

“Oleh itu kesemua 16 tan sardin dalam tin tersebut ditahan dan siasatan lanjut masih dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



Sebahagian sardin dalam tin tanpa permit import yang dirampas oleh Maqis Johor pada 27 Mac lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

MAQIS rampas 16 tan sardin dalam tin

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Johor merampas lebih 16 tan sardin dalam tin berjumlah RM83,879.84 di pintu masuk Baungan Sultan Iskandar (BSI), Rabu lalu.

Pengarah MAQIS Johor, Edie Putra Md Yusof berkata pihaknya menahan sebuah lori yang membawa muatan tersebut yang dipercayai diimport dari Singapura.

"Hasil pemeriksaan dokumen yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa MAQIS telah mendapati konsainan yang membawa 1,600 kanton ikan sardin dalam tin dengan berat 16,320 kilogram itu tidak mempunyai permit import.

"Semua 16 tan sardin dalam tin tersebut dirampas dan siasatan lanjut dijalankan.

"Pemandu lori berusia 30 tahun dilepaskan setelah diambil keterangan untuk siasatan lanjut.

"Perbuatan ini disyaki menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 kerana mengimport tanpa permit MAQIS," katanya dalam kenyataan semalam.



MAQIS Johor merampas 1,600 kanton sardin seberat 16 tan yang diimport dari Singapura di pintu masuk Baungan Sultan Iskandar, Rabu lalu. (Foto ihsan MAQIS Johor)

**Maqis pintas
206 penyakit,
perosak
pertanian
dibawa masuk
ke negara ini
tahun lalu**

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya memintas sebanyak 206 penyakit dan perosak pertanian daripada dibawa masuk ke negara ini tahun lalu.

Ketua Pengarahnya Shamsul Akbar Sulaiman berkata, daripada jumlah itu, 24 penemuan penyakit daripada produk haiwan termasuk bakteria bawahan penyakit seperti Salmonella, Coliform, E-Coli, Newcastle Disease dan African Swine Fever dikesan.

"Sejumlah 119 perosak dan penyakit daripada produk tumbuhan pula telah ditemui seperti perosak atau serangga pengorek Sternochetus Mangiferae, ulat daun Plutella Xylostella dan hama tumbuhan Ephesia Cautella.

"Kesemua penemuan telah diambil tindakan teratas dan dihalang kemasukan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shamsul Akbar berkata, bagi kawalan kuarantin haiwan hidup, lembu adalah haiwan tertinggi dikuatrantin di stesen kuarantin iaitu sebanyak 49,700 ekor diikuti haiwan lain seperti kuda, unggas serta haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing.

Menurutnya, terdapat penemuan dua penyakit haiwan hidup dikenal pasti

Lembu paling banyak dikuarantin



Kesemua penemuan telah diambil tindakan termasuk dilucuthak dan dilupuskan, diarah untuk kemasukan"

Shamsul Akbar

"Ini kerana stesen dan premis itu merupakan benteng pertahanan terakhir bagi menghalang kemasukan perosak dan penyakit daripada merebak ke dalam negara," katanya.

Katanya, pihaknya mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 624 kes membabitkan pelanggaran dan ketidakpatuhan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Tindakan yang diambil termasuklah dikenakan kompaun, diarah untuk dirawat, dilucuthak dan dilupus serta terdapat juga konsinan diarah untuk berpatah balik ke negara pengeluar," katanya.



PEGAWAI Maqis memeriksa haiwan yang dibawa masuk ke negara ini.

dan diambil tindakan iaitu sease (FMD) pada lembu dan Equine Herpes Virus yang import di Premis Kuarantin Swasta, Kedah.

"Pengesanan awal, rawatan dan tindakan peluputan Maqis adalah penting.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2024	SINAR HARIAN	IPOH	28

Bekalan ayam, daging di Perak mencukupi

Tiada laporan diterima berkaitan kekurangan barangan asas berkenaan

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Bekalan keperluan asas seperti ayam dan daging mencukupi bagi menyambut Aidilfitri di negeri ini, kata Exco Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun.

Menurutnya, ketika ini bekalan stabil dan tiada laporan diterima berkaitan kekurangan barangan berkenaan.

“Tidak timbul masalah setakat ini. Sama ada bekalan daging, ayam, mi-nyak, telur dan beras, semuanya telah



Mohd Zolkafly (tiga dari kanan) bersama Tina (empat dari kanan) mengacau bubur lambuk sempena program agihan bubur lambuk anjuran TT Group bersama Gabungan 10 NGO di Ipoh pada Selasa.

dipantau dan mencukupi untuk hari raya ini.

“Jadi orang ramai termasuk yang bu-kan Islam tidak perlu bimbang. Di pihak kerajaan negeri, saya bersama agensi berkaitan berikan jaminan dalam perkara ini,” katanya kepada pemberita ketika program agihan bubur lambuk anjuran TT Group bersama gabungan 10 per-tubuhan bukan kerajaan (NGO) di Taj International College di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Taj International College (TIC), Tina Tajuddin. Dalam majlis itu, sebanyak 1,000 pek bubur lambuk diedarkan ke 10 lokasi

tumpuan orang ramai sekitar Ipoh. Beliau berkata, kerajaan negeri me-lalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengadakan jualan Agro Madani pra Syawal di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Perak di Gopeng pada 5 April ini.

Katanya, jualan fokus kepada keperlu-an asas bagi menyambut Aidilfitri seperti beras, kentang, bawang, aneka biskut raya dan kerepek pada harga berpatutan.

Tambahnya, ia disusuli dengan jualan khas Aidilfitri di Lenggong pada 7 April yang turut menjual hampir 2,500 ekor ayam pada harga RM10.

Wanita jadi pekebun kecil lebih tinggi di Sabah, Sarawak

Penyertian wanita sebagai pekebun kecil adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain. Hal ini sejajar dengan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian, Negeri Sembilan, yang menunjukkan bahawa 42 peratus wanita, iaitu 42 peratus daripada jumlah keseluruhan pekebun kecil yang disenaraikan dalam senarai pekebun kecil di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun jumlah pekebun kecil di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi, ia juga menunjukkan bahawa ia lebih ramai berbanding wanita.

Kajian itu turut menunjukkan bahawa pekebun kecil perempuan di Sabah dan Sarawak adalah daripada 38 peratus lelaki dan 42 peratus wanita, iaitu 42 peratus daripada jumlah keseluruhan pekebun kecil yang disenaraikan dalam senarai pekebun kecil di Sabah dan Sarawak.

Hasil pertanian pekebun kecil wanita lebih tertumpu untuk tujuan kegunaan keluarga dan untuk memenuhi keperluan asas pengguna. Pekebun kecil wanita lebih cenderung menyimpan sebahagian hasil pertanian mereka untuk kegunaan keluarga dan menjual selebihnya kepada orang lain.

"Sebaliknya, pekebun kecil lelaki lebih cenderung menjual hasil pertanian mereka kepada orang lain, terutama kepada pemborong. Walau bagaimanapun, secara umumnya, pekebun kecil, khususnya di Sabah dan Sarawak, lebih cenderung menjual hasil pertanian mereka kepada orang lain sebagai sumber utama pendapatan mereka," kata KRI dalam satu kenyataan.

Pekebun kecil itu juga mendapati bahawa kadar penyewaan lahan pertanian dan perladangan kontrak adalah lebih rendah dalam kalangan pekebun kecil Sarawak berbanding dengan Sarawak.

Ia berkata, mereka juga menghadapi cabaran dari segi akses kepada sumber pertanian untuk tujuan pertanian.

Di samping itu, katanya, mereka juga menghadapi kesulitan mendapatkan pembiayaan bagi hasil pertanian mereka. Oleh itu, ia meminta kerajaan Sabah dan Sarawak untuk mengambil langkah-langkah untuk membantu pekebun kecil.

Pekebun kecil Sarawak yang wujud dalam kalangan pekebun kecil ini, sekiranya berterusan, boleh memulawa keanekaragaman terdapat kesukhacuan, keberkesanan dan keberlanjutan dalam menguruskan sumber untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi yang dihadapi," katanya.



Madhah checking on her damaged fish farm in Kampung Sanding. - BERNAMA/PIIC

Heatwave bane and boon

◆ Siblings suffer losses due to dried out fish farm but rebound with river bounty brought by hot weather

MARAN: While many caged fish farm operators are overwhelmed with tens of thousands of their stock dying due to the El Nino phenomenon, an enterprising 34-year-old woman faces a different challenge.

Madhah Jamal and her brother Azmi Jamal, 41, inherited an *ikan patin* (catfish) and tilapia farming business from their father last year, but the hot weather has caused a loss of thousands of ringgit.

Their *patin* farm in Kampung Sanding, about 36km from Chenor town, was not spared when several locations along the river dried up to form wide sandbars the size of football fields.

"The situation in Sungai Pahang is not new to Maran residents but this time, it seems worse as the heat is so extreme that it caused the river to become shallow and the sandy stretches to become longer.

"It is a terrible loss. Even the fish cages suffered damage. Usually, the demand for *patin* and tilapia doubles at the end of Ramadan and the beginning of Syawal. But this time, we were unable to meet demand," said Madhah.

With Aidilfitri approaching, they were determined to find a solution.

So, they went to the upper reaches of Sungai Pahang that were

not affected to search for *ikan lais* (butter catfish), Bernama reported.

Madhah said this species of fish is increasingly difficult to find but can be easily caught in large quantities using small shrimp as bait during hot weather.

"This elusive fish is seasonal. It is not always easily located and we can only find it once a year although it is usually abundant in scorching weather. During the hot and dry season, the water is clear, so it is easy to find *ikan lais*."

"We fish early in the morning or evening for four hours and catch more than 2kg. We also hook *udang galah* (freshwater prawns). It is not difficult, just cast the line and you can catch something in 10 to 15 minutes," she said, adding that all her catch is sold at the Chenor morning market.

Selling at a relatively high price of RM40 per kg, buyers are attracted to the availability of the rare river fish. Some are even willing to drive from Kuala Lumpur to buy it.

"Demand is very high because the flesh is sweet and it does not have many bones. It tastes delicious, especially when cooked in spicy coconut milk and eaten with rice, *ulam* and *sambal tempoyak*."

"There are also some who use it to make *pekasam* (fermented fish) or *asam pedas*. The high demand sees some vendors selling it for more than RM60 per kg. It usually sells out in less than half an hour," she said.

"The livestock industry was not spared the impact of the heatwave, but there are other ways (to earn a living) if we look hard enough."

"It is the season for *ikan lais* but not many people take advantage of this because to go fishing, one has to withstand the heat and it is quite challenging due to (fasting during) Ramadan. That is why not many fishermen are game."